



Headline: Doktor wanita rugi RM5,500 diperdaya 'Macau Scam' Language: Malay

Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)
Date: 3 January 2019

Section: Tempatan
Page: 7

Doktor wanita rugi RM5,500 diperdaya 'Macau Scam'

MIRI: Gara-gara panik dituduh terlibat dengan kes dadah dan mempunyai waran tangkap, seorang doktor wanita di sini menanggung kerugian RM5,500 setelah diperdaya sindiket 'Macau Scam.'

Kejadian yang menimpa mangsa berusia 27 tahun itu berlaku pada 31 Disember lalu selepas menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki yang kononnya bertugas di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Muar.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Sarawak Superintenden Mustafa Kamal Gani Abdullah berkata, suspek memberitahu mangsa terlibat dengan kamalangan jalan raya iaitu langgar lari di mana kereta tersebut ialah kereta sewa yang didaftarkan atas nama mangsa.

"Mangsa memberitahu yang mangsa tinggal di Miri dan tidak pernah ke Johor. Kemudian panggilan disambung kepada seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai 'Inspektor Makmur.'

"Suspek terbabit mengatakan mangsa terlibat dengan kes dadah dan terdapat waran tangkap," katanya dalam satu kenyataan media semalam.

Mustafa Kamal berkata, suspek mengarahkan mangsa membayar wang berjumlah RM5,500 sekiranya mangsa hendak menanggung kes tersebut.

"Pada 31 Disember jam lebih kurang 12.58 tengah hari, mangsa telah memindahkan (wang) secara dalam talian ke sebuah akaun bank. Selepas pemindahan tersebut, baharulah mangsa sedar dirinya telah ditipu," katanya.

